



KEMPEN ANTI-LITTER “JUPO SAPOH KUTIP JANGE TOHOK KOKSEY”



Pada 14 Februari 2020, satu kempen telah dilaksanakan iaitu Kempen Anti-litter “Jupo Sapoh Kutip Jange Tohok Koksey”. Kempen ini telah dirasmikan oleh YB Puan Hajah Zuraida Kamaruddin di Pasar Siti Khadijah, Kota Bharu, Kelantan. Turut hadir bersama beliau ialah Encik Ismail Mokhtar, Ketua Pegawai Eksekutif SWCorp, Datuk Mohd Zain Hassan, Ketua Pegawai Eksekutif Alam Flora Sdn Bhd dan Dr Izani Husin, Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan, Perumahan dan Kesihatan Kelantan.

Kempen ini dilaksanakan bagi memberi kesedaran kepada masyarakat dan mengubah minda masyarakat tentang kepentingan penjagaan kebersihan persekitaran yang seterusnya kelestarian alam sekitar. Kerajaan Persekutuan dengan kerjasama kerajaan negeri membuat perancangan jangka panjang untuk mewujudkan pusat *Waste-to-Energy* (WTE) untuk memproses sampah dan menjadikannya sebagai bekalan elektrik. Inisiatif ini akan menjadikan negeri Kelantan lebih bersih, ceria dan akan menarik lebih ramai pelancong.

Pada masa yang sama, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah menyumbang sebanyak 12 buah lori sampah kompaktor untuk kegunaan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di seluruh negeri Kelantan dalam usaha membantu kerajaan negeri menguruskan sisa pepejal dengan lebih baik dan berkesan.



Di samping itu, pengurusan sampah menjadi simbol kepada sesebuah negeri kerana jika sampah diuruskan dengan baik, ia sekaligus mencerminkan kualiti hidup rakyat. Malahan menerusi penjagaan sisa pepejal yang teratur, rakyat akan sentiasa berada dilindungi dari sebarang penyakit.

Sumber: Unit Komunikasi Korporat